

35,000 penduduk terputus hubungan

SAMARAHAN: Hujan berterusan sejak petang kelmarin menyebabkan lebih 35,000 penduduk kawasan sekitar Asajaya dan Sadong Jaya terjejas berikutan terputus hubungan darat apabila beberapa jalan utama ke bandar raya Kuching dinaiki air antara 0.5 hingga 1.5 meter.

Kedadaan itu juga menyebabkan kira-kira 5,000 penduduk beberapa kampung di kawasan berkenaan terpaksa dipindahkan ke empat pusat pemindahan banjir iaitu di Kompleks Sukan Asajaya, Sekolah Kebangsaan (SK) Haji Kelali, Semera; Surau Kampung Rangawan dan SK Terasi, setakat jam 6 petang semalam.

Pegawai Daerah Asajaya, Rubiah Wang berkata, pusat pemindahan pertama dibuka di SK Haji Kelali kira-kira jam 10 malam kelmarin, membabitkan lebih 3,000 mangsa dari Kampung Semera, diikuti tiga lagi pusat pemindahan dibuka secara berperingkat.

“Jumlah penduduk yang dipindahkan juga meningkat berikutan hujan lebat dan kita masih berjaga-jaga kerana cuaca tidak menunjukkan perubahan ketara,” katanya, semalam.



TUNGGU BANTUAN....seorang penduduk di Asajaya menunggu bantuan untuk dipindahkan.



BAHAYA....penduduk Kampung Lidan Asajaya mandi di kawasan banjir.

Rubiah berkata, banjir kali ini lebih teruk berbanding 2008 apabila jalan darat ke Asajaya terputus sejak tengah malam semalam, manakala jalan kampung ke penempatan yang terjejas langsung tidak boleh dilalui semua jenis kenderaan.

Katanya, pihaknya terpaksa meminta bantuan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Tentera Ma-

laysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan Ikatan Relawan Rakyat (Rela) bagi membantu mangsa banjir berkenaan.

Difahamkan, banjir pada 2008 yang melanda kawasan itu menyaksikan paras air naik setinggi antara 0.5 meter hingga satu meter dan laluhan masuk ke kampung masih boleh dilalui kenderaan bagi memudah-

kan bantuan disalurkan.

Beliau berkata, pihaknya kini dalam proses menghantar bantuan makanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi kegunaan mangsa di pusat pemindahan dengan pihaknya terpaksa menggunakan bot di sesetengah kawasan yang terjejas teruk.

Sementara itu, tinjauan mendapati penduduk di kawasan terjejas seperti di

Kampung Serpan, Terasi dan Sadong masih dalam proses berpindah berikutan hujan lebat yang masih berlarutan sehingga petang semalam.

Bencana banjir juga menyebabkan sambutan Krismas lebih 300 masyarakat Iban di Kampung Moyan Lidan terjejas apabila rumah penduduk dinaiki air antara 0.5 hingga 0.7 meter sejak petang kelmarin.